

ABSTRAK

MOHD ZAHIRUDDIN BIN AHMAD @ MOHD ZAIN. Dato' Haji Muhammad bin Nasir: Sumbangannya Kepada Pendidikan Islam.

Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001.

Kajian ilmiah yang dibuat oleh penulis ini adalah berkenaan dengan salah seorang tokoh politik dan pendidikan Islam iaitu Dato' Haji Muhammad bin Nasir. Beliau dilahirkan pada tahun 1916 M dan meninggal dunia pada tahun 1997 M. Dato' Haji Muhammad bin Nasir merupakan seorang tokoh politik dan pendidikan yang seangkatan dengan Tun Abdul Razak, Tun Hussin Onn, Dato' Asri dan sebagainya. Beliau mahir dalam bidang politik dan pendidikan serta bersifat sederhana. Semasa hayatnya Dato' Haji Muhammad bin Nasir telah mengasaskan beberapa institusi pengajian yang dihadiri oleh pelajar-pelajar dari dalam dan luar negeri seperti Thailand, Singapura, Brunei, Indonesia dan lain-lain.

Dalam penulisan ini, penulis telah menetapkan beberapa perumusan masalah yang perlu dikaji, antaranya ialah sumbangan yang telah diberikan oleh Dato' Haji Muhammad bin Nasir kepada pendidikan Islam, sejauh mana sumbangan beliau dalam pendidikan Islam dapat mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat, bagaimanakah cara yang digunakan dalam mengembangkan pendidikan Islam dan apakah isi-isi pengajaran beliau dalam pendidikan Islam.

Untuk melicinkan lagi penulisan dalam kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa metod yang utama antaranya, metod penentuan subjek, metod pengumpulan data, metod dokumentasi, metod interviu dan metod analisis data yang merangkumi metod induktif, metod deduktif dan metod komparatif.

Hasil dari penelitian ini, penulis dapati bahawa Dato' Haji Muhammad bin Nasir telah memberi sumbangan yang amat berharga kepada pendidikan Islam. Beliau juga berjaya menaikkan taraf pendidikan Islam ke peringkat yang lebih tinggi. Semoga apa yang disumbangkan oleh beliau mendapat keredaan daripada Allah s.w.t. dan Allah s.w.t. sahajalah yang dapat membalas budi dan jasanya.

ABSTRACT

MOHD ZAHIRUDDIN BIN AHMAD @ MOHD ZAIN. Dato' Haji Muhammad bin Nasir: His Contributions To Islamic Education.

Dissertation for Master Degree, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, 2001.

This research made by the writer is on one of the politician and educator of Islamic teachings, Dato' Haji Muhammad bin Nasir. Born on 1916 and passed away on 1997. Dato' Haji Muhammad bin Nasir was in the same era as many other known politicians and educators such as Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Dato' Asri and many more. He was an expert in politic and education but he had a simple life during which he was the founder of many educational institutions. These institutions were attended by many locals as well as those from Thailand, Singapore, Indonesia and many more.

In this writing the writer had made several problematical conclusions that should be focused on. These are Dato' Haji Muhammad bin Nasir's contributions to the Islamic teaching towards the living community he used to spread his teachings and the contents of his teachings itself.

In completing this assignment, the writer had depended on a few methods such as the resolution of the subject, the collection of data, documentation, interview and analisation of data which includes inductive, deductive and comparative method.

After much research, the writer concludes that Dato' Haji Muhammad bin Nasir had contributed a great effort in the Islamic education. He had managed to increase the standard of Islamic education to a higher level. May all that he had contributed receives the blessings from Allah s.w.t. and only Allah s.w.t. can return his kindness and deeds.